| Headline | Selangor kaji letak meja luar restoran | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 69,985 |
| Page No | 41 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 444 cm² |
| Journalist | Hasbi Sidek | AdValue | RM 15,246 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,738 |



SUSULAN PELANGGAN MAUT DIREMPUH KENDERAAN

# Selangor kaji letak meja luar restoran

➔ MPSJ akan dirujuk mengenai permit guna kawasan parkir untuk letak barang dagangan

**Oleh Hasbi Sidek**
cnews@nstp.com.my

**Subang Jaya**

[FOTO BERNAMA]



***Ketua Polis Serdang, Asisten Komisioner Ismadi Borhan*** *mendengar penjelasan saksi mengenai rempuhan kenderaan yang meragut satu nyawa di Taman Equine, malam Ahad lalu.*

Kerajaan negeri akan menyemak semula dasar berhubung kebenaran meletak meja makan di luar restoran, terutama di kawasan parkir, susulan insiden pelanggan maut dirempuh kenderaan dekat Seri Kembangan, malam Ahad lalu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata pihaknya akan merujuk kembali pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengenai permit menggunakan kawasan parkir untuk meletak barang dagangan, termasuk meja dan kerusi.

"Menurut dasar sedia ada, pihak berkuasa tempatan (PBT) mengeluarkan kebenaran kepada pengusaha kedai makan untuk menggunakan kawasan parkir yang selamat dalam tempoh ditetapkan, kebiasaannya selepas waktu kerja.

"Bagaimanapun, dalam kejadian yang menyebabkan seorang wanita maut itu, saya khuatir sama ada pengusaha restoran terbabit melanggar syarat ditetapkan, namun perkara ini harus disemak terlebih dahulu dengan MPSJ.

"Selain itu, kerajaan negeri akan menyemak semula dasar sedia ada," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam Ahad lalu, seorang maut, manakala empat lagi cedera apabila sebuah kenderaan pacuan empat roda Toyota Hilux terbabas dan merempuh sebuah restoran di Jalan Equine 9B, Taman Equine, dekat Seri Kembangan.

Media sebelum ini melaporkan siasatan awal polis mendapati pemandu lelaki berusia lingkungan 20-an berasal dari Sarawak itu dipercayai berada bawah pengaruh alkohol ketika kejadian, malah tidak memiliki lesen memandu.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, pihaknya turut bersimpati dengan kemalangan menimpa mangsa dan mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mendiang.

## Pengaruh alkohol

"Kejadian itu dipercayai berpunca daripada pemandu yang memandu bawah pengaruh alkohol. Justeru, faktor itu perlu diambil kira.

"Bagaimanapun, pihak kami juga akan meminta MPSJ menyiasat perkara ini sama ada restoran berkenaan melanggar sebarang syarat kebenaran.

"Kami tidak akan teragak-agak menarik balik permit itu jika mereka dan pengusaha lain di kawasan terbabit gagal mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.

Sementara itu, usaha wartawan untuk mendapatkan kenyataan daripada MPSJ sejak kelmarin masih gagal.



❝ Kerajaan negeri akan menyemak semula dasar sedia ada"

***Amirudin Shari,***
*Menteri Besar Selangor*

Powered by: isentia

# MBSA akhirnya bertindak

Oleh **ZULKFILI SAINUDDIN**
pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 20 NOV.**

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) hari ini mula melakukan kerja menanggalkan papan tanda jalan bertulisan Cina di daerah ini susulan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Sharin Ahmad berkata, pihaknya menjunjung titah Sultan Selangor agar papan tanda yang mempunyai tulisan Cina itu digantikan dengan papan tanda jalan yang menggunakan bahasa Melayu.

"Tindakan segera telah diambil oleh pihak MBSA dengan menanggalkan papan tanda berkenaan di lokasi ia dipasang.

"Kerja-kerja menanggalkan papan tanda ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka selesai dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.



Sultan Selangor titahkan guna bahasa Melayu sahaja

**Tanggal papan tanda jalan tulisan Cina**

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 19 NOV.

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di sini ditanggal dan digantikan dengan papan tanda jalan satu bahasa iaitu bahasa Melayu sahaja.

Titah itu disampaikan oleh Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani, hari ini, melalui surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya dan juga Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad.

Dalam surat itu, Sultan Sharafuddin bertitah agar operasi bagi menanggalkan semua papan tanda jalan berbahasa Cina tersebut dibuat segera dan ia mesti diselesaikan sebelum ... iaitu tarikh ... keputeraan baginda ... Selangor ...

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

tahkan supaya semua papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di Shah Alam ditanggal dan digantikan dengan papan tanda jalan satu bahasa sahaja iaitu bahasa Melayu.

"Operasi pe... papan ...

watnya sebelum ta... raan Sultan Selan... 11 Disember," menu... yang ditandatangani ... Munir itu.

Isu mengenai papan ... lan berbahasa Cina di ... mula panas apabila ... pan tanda tersebut di... penduduk Shah Alam ... man media sosial menyebab... orang ramai memperso... tindakan pihak berkuasa... mempertikai kewajarann...

Presiden Persatua... Nasional Malaysia ... hamad Saleeh R... kesal dengan pe... ta, keputusan Ma... Shah Alam (MBSA) ... pan tanda jalan ... Cina yang asalnya ... adalah amat menduk...

Walau bagaimanapun, dalam kenyataannya ... alasan penggunaan ... jalan dwibahasa itu ... tuskan oleh Jawatan... Kerajaan Tempatan ...

**KERATAN** ***Utusan Malaysia*** **semalam.**

Semalam, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di Shah Alam ditanggal dan digantikan dengan papan tanda jalan satu bahasa iaitu bahasa Melayu.

Titah itu disampaikan oleh Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani melalui surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya dan juga Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad.

Dalam surat itu, Sultan Sharafuddin bertitah agar, operasi bagi menanggalkan semua papan tanda jalan berbahasa Cina tersebut dibuat segara dan ia mesti diselesaikan sebelum 11 Disember, iaitu tarikh ulang tahun keputeraan baginda.




**PAPAN tanda jalan bertulisan Cina yang dititahkan oleh Sultan Selangor agar ditanggalkan dan hanya menggunakan bahasa Melayu. – UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI**

**INFO**

**ISU BAHASA PADA PAPAN TANDA**

**1. PULAU PINANG**
- Oktober 2008, kerajaan negeri luluskan permohonan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk memasang papan tanda jalan pelbagai bahasa.
- Hanya dilaksanakan di kawasan tapak warisan di Georgetown.
- Ditulis dalam tulisan Jawi, Tamil dan Cina.

**2. JOHOR**
- September 2012, Pas Bahagian Segamat persoal papan tanda jalan dwibahasa sekitar Kampung Abdullah.
- Tindakan itu dilihat mengetepikan tulisan Jawi sebagai identiti orang Melayu.
- Majlis Daerah Segamat mengenal pasti perkara itu dan perbincangan dengan pihak sepatutnya dilaksana.

**3. KEDAH**
- Januari 2016, Pekan Cina di Alor Setar, Kedah dipilih sebagai perintis penggunaan tulisan Cina pada papan tanda jalan.
- Buat permulaan, ia ditulis pada tiga papan tanda jalan sahaja.
- Tulisan Jawi pada papan tanda jalan juga dilaksana dan diperluaskan di sekitar Alor Setar.

## Istana Selangor tidak terlibat jika pemimpin Melayu peka

**KUALA LUMPUR 20 Nov.** – Sikap acuh tak acuh pemimpin Melayu dalam kerajaan negeri Selangor memelihara dan memartabatkan bahasa kebangsaan dilihat menjadi punca ada pihak mengambil kesempatan hingga membolehkan tulisan Cina digunakan pada papan tanda jalan.

Tokoh akademik, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim menganggap isu berkenaan mampu diselesaikan dengan mudah tanpa penglibatan istana sekiranya ada pemimpin Melayu peka.



**NIK SAFIAH KARIM**



**LIM SWEE TIN**

Beliau berkata, titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah perlu difahami sebagai 'amaran' kepada pucuk pimpinan negeri agar membuat sesuatu keputusan berdasarkan Perlembagaan.

"Saya berasa sedih melihat ada segelintir pihak yang seolah-olah mahu menguji kesabaran orang Melayu.

"Ini permainan yang berbahaya. Kenapa hanya masukkan tulisan Cina dan tidak tulisan Tamil?" soalnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Isu papan tanda jalan berbahasa Cina di Shah Alam mula 'panas' apabila gambarnya dimuat naik penduduk dalam laman sosial menyebabkan orang ramai mempersoalkannya.

Pejuang bahasa, Dr. Lim Swee Tin pula berkata, teguran Sultan Selangor perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak kerana ia secara jelas tidak melibatkan fahaman politik.

Katanya, adalah janggal untuk membayangkan rupa papan tanda jalan di Malaysia seandainya semua bahasa mahu dimasukkan ekoran tunduk kepada desakan pihak berkepentingan.

"Papan tanda jalan sebelum ini sudah pun diterima umum dan saya percaya ia sudah mesra pengguna dan rakyat. Tiada sesiapa yang terganggu dengan hanya kita menggunakan bahasa kebangsaan," ujarnya.

## Pusat tiada kuasa jika negeri lain ikut – Khalid

**PUTRAJAYA 20 Nov.** – Penggunaan papan tanda jalan dalam bahasa Cina adalah keputusan yang telah dimuktamadkan oleh kerajaan negeri Selangor dan perkara itu tiada kaitan dengan kerajaan Persekutuan.

Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad berkata, Kerajaan Persekutuan tidak mengetahui tindakan itu kerana segala kuasa melibatkan kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Itu keputusan kerajaan negeri Selangor, saya di peringkat kementerian tidak mengetahui tentang perbincangan mereka. Kalau Sultan sudah keluarkan titah, kita kena akur.

"Saya fikir ada perbincangan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan PBT mengenai perkara itu," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1440H/2018M di sini hari ini.

Beliau mengulas titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menitahkan agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di Selangor ditanggalkan dan diganti dengan papan tanda jalan satu bahasa iaitu bahasa Melayu sahaja.



**KHALID ABDUL SAMAD**

Khalid merangkap Ahli Parlimen Shah Alam berkata, kerajaan tidak mempunyai kuasa sekiranya ada negeri-negeri lain yang mahu mengikut jejak langkah kerajaan negeri Selangor itu.

Isu mengenai papan tanda jalan berbahasa Cina di Shah Alam mula tular apabila gambar papan tanda tersebut dimuat naik penduduk Shah Alam dalam laman media sosial menyebabkan orang ramai mempersoalkan tindakan pihak berkuasa dan mempertikai kewajarannya.

## Jangan permain bahasa kebangsaan

**KUALA LUMPUR 20 Nov.** – Meskipun Malaysia mempunyai masyarakat pelbagai kaum, namun peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sama sekali tidak boleh dipermainkan.

Ketua Dewan Muslimat Pas, Nuridah Mohd. Salleh berkata, pihaknya menyokong titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah agar setiap papan tanda jalan ditulis dalam bahasa kebangsaan sebagaimana termaktub dalam peruntukan Perlembagaan.

"Muslimat Pas konsisten menyokong segala perkara melibatkan perihal Islam dan Melayu demi memelihara keluhuran Perlembagaan.

"Peraturan itu juga dilihat akan membawa kepada semangat dan jati diri perpaduan nasional. Hal ini selari dengan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan pada papan tanda jalan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

# Isu bahasa: Orang Melayu tidak perlu apologetik

**MUKADIMAH**

**5 SOALAN**



PENGGUNAAN tulisan Cina pada papan tanda jalan di sekitar Shah Alam, Selangor mencetuskan perbahasan hebat masyarakat sama ada dalam ruang maya atau di kedai-kedai kopi. Meskipun ditentang hebat pelbagai pihak, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) enggan menenangkan suasana apabila tetap berpegang dengan keputusan Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor pada 13 Oktober 2017.

Ternyata ia bukan isu kecil apabila kelmarin, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan semua papan tanda itu diturun dan digantikan sebelum hari keputeraan baginda. Mengulas hal itu, Ahli Fakulti Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (Cenpris) Universiti Sains Malaysia (USM), **PROFESOR DATUK DR. AHMAD MURAD MERICAN** berkongsi buah fikirannya dengan wartawan *Utusan Malaysia*, **HADI AB. MANAP**.

**UTUSAN: Adakah ini bukan isu besar?**

**AHMAD MURAD:** Tidak, ini isu besar, segera dan ia bukan perkara baharu. Apa alasan sekalipun, tindakan sebegitu tidak wajar. Inilah masalah pihak berkuasa tempatan (PBT). Tidak kira di kawasan pekan atau bandar mana sekalipun di Malaysia, papan tanda jalan dalam bahasa Melayu bukan hanya keutamaan tetapi satu kewajipan. Walaupun tidak ada undang-undang dalam mana-mana akta atau undang-undang kecil, yang Dipertua PBT mesti bertindak bukan hanya sebagai birokrat dan penjawat awam tetapi juga sebagai pemelihara warisan dan budaya.

**Bahasa jiwa bangsa. Patutkah penggunaan tulisan Cina dengan alasan alternatif 'dwibahasa'?**

Jika kaum-kaum lain masih lagi gagal menguasai bahasa kebangsaan, mereka perlu belajar dan membaca. Itu salah mereka kerana tidak ada alasan atas nama alternatif dwibahasa. Malah, perlu ditambah selain daripada tulisan Rumi, papan tanda jalan di Malaysia sepatutnya menggunakan tulisan Jawi di atas tulisan Rumi. Ia hendaklah konsisten. Kalau orang bukan Melayu mengadu, kita mesti jawab bahawa apakah huruf Jawi itu hanya untuk orang Islam dan Melayu? Hal ini kerana orang bukan Melayu juga boleh belajar dan membaca dalam tulisan Jawi. Hal ini berlaku di banyak tempat di dunia.

**Titah Sultan Selangor kelmarin telah memberikan gambaran ia bukanlah sesuatu perkara yang patut diputuskan oleh Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor. Apa komen Profesor?**

Saya percaya ia sepatutnya tidak diputuskan sebegitu dan ini bukan soal siapa yang patut memutuskan di peringkat negeri. Soal bahasa Melayu ialah soal nasional dan bukan negeri atau daerah. Maksudnya, Perlembagaan Persekutuan dan kerajaan Pusat mesti menetapkan sama ada secara dasar atau pentadbiran mengenai bahasa di papan tanda jalan. Jika dasar dan pentadbiran gagal, gubal akta pada peringkat Persekutuan melalui Parlimen.

**Apakah punca kepada isu ini?**

Puncanya ialah lalai dan tidak bertanggungjawab serta takut dan apologetik kepada pihak bukan Melayu.

**Saranan kepada kerajaan negeri dan PBT lain agar perkara sama tidak berulang?**

Pegawai dan penjawat awam Melayu perlu berhenti menjadi birokrat kosong dalam soal-soal bahasa dan budaya. Jika kita tidak mengharapkan mereka, siapa lagi yang dapat melaksanakan tugas itu dan jika mereka lalai serta tunduk kepada desakan maka mereka tidak objektif dalam menjalankan tugas. Yang Dipertua, pegawai dan ahli majlis PBT mesti salah satunya menjalani kursus sejarah dan warisan negara dan setempat. Ahli majlis mesti lulus peperiksaan bahasa Melayu, sejarah dan warisan setempat dan nasional. Sikap positif mesti diwujudkan.

# Tulisan papan tanda urusan rasmi kerajaan

> "Penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam termasuklah pada papan tanda jalan akan mencerminkan citra negara Malaysia."
>
> KENYATAAN DBP

**KUALA LUMPUR 20 Nov.** – Tulisan pada papan tanda jalan perlu menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya kerana ia merupakan urusan rasmi yang memerlukan penggunaan bahasa kebangsaan.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam satu kenyataan menjelaskan, berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), bahasa Melayu perlu digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan termasuk pada papan tanda jalan.

Menurut DBP, maksud 'rasmi' dalam Perkara 152 membawa erti apa-apa maksud kerajaan sama ada kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa tempatan.

"Seksyen 2, Akta 32 menetapkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi dan Seksyen 9 pula menjelaskan bahawa tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi.

"Dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi bagi bahasa kebangsaan," jelasnya dalam kenyataan itu semalam.

Isu papan tanda jalan dengan tulisan Cina di Shah Alam, Selangor mula 'panas' apabila gambar tersebut dimuat naik oleh penduduk sekitar dan tular dalam media sosial.

Tambah kenyataan itu lagi, memandangkan penggunaan tulisan dan bahasa pada papan tanda jalan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan, DBP berharap agar semua pihak menjunjung tinggi semangat Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sedia ada.

"Penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam termasuklah pada papan tanda jalan akan mencerminkan citra negara Malaysia," jelasnya.



AMIRUDDIN SHARI mengelak daripada menjawab soalan pemberita mengenai isu papan tanda jalan tulisan Cina selepas sambutan Maulidur Rasul di Shah Alam, Selangor, semalam. – UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

# 'Esok saya menghadap Sultan Selangor'

**SHAH ALAM 20 Nov.** – Menteri Besar, Amiruddin Shari akan menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, esok dipercayai berhubung isu papan tanda jalan dengan tulisan Cina di negeri ini.

Ini ekoran titah Sultan Sharafuddin agar papan tanda jalan tulisan itu ditanggal dan digantikan segera dengan bahasa Melayu.

Amiruddin bagaimanapun enggan mengulas lanjut berhubung pertemuannya dengan Sultan Sharafuddin dan hanya menyifatkan sebagai perjumpaan biasa bagi membincangkan isu pentadbiran kerajaan negeri.

"Esok...esok, saya akan menghadap Sultan Selangor esok," katanya ringkas kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Stadium Malawati di sini hari ini.

Sultan Sharafuddin turut berkenan mencemar duli merasmikan sambutan Maulidur Rasul itu.

Terdahulu, kira-kira 3,000 umat Islam termasuk 84 kontinjen dari jabatan dan agensi kerajaan, swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai perarakan sempena sambutan itu.

Semalam, Sultan Sharafuddin menitahkan agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di Shah Alam ditanggal dan digantikan dengan papan tanda jalan satu bahasa iaitu bahasa Melayu sahaja.

Pada Sabtu lalu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru negeri, Ng Sze Han memaklumkan papan tanda dwibahasa dibenarkan di Kampung Baru Cina dan Kampung Baru Melayu.

Menurutnya, penggunaan tulisan itu selain bahasa kebangsaan di papan tanda beberapa kampung baru Cina sudah wujud sejak beberapa tahun lalu dan beliau hairan mengapa tiba-tiba menjadi isu ketika ini.

## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1440H/2018 SELURUH NEGARA





**SILATURAHIM**

SULTAN Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan bertanya khabar kepada Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2018 peringkat negeri Terengganu di Stadium Negeri, Kuala Terengganu, Terengganu, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN



**PERBARISAN**

ANTARA agensi kerajaan yang menyertai perbarisan dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Pahang di Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN



**SEMANGAT**

YANG Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin bersama isteri, Toh Puan Norlidah R.M. Jasni serta orang ramai berarak dari Sutera Avenue ke Masjid Negeri sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Sabah di Kota Kinabalu, Sabah, semalam. Turut sama Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dan isteri, Datin Seri Shuryani Shuaib. - BERNAMA



**MUHIBAH**

SEBAHAGIAN daripada orang ramai yang menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul anjuran Kelab Belia Muslim Malaysia di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN



**ANUGERAH**

MENTERI Besar Negeri Sembilan, Aminuddin Harun (tiga dari kiri) beramah mesra dengan sebahagian penerima anugerah dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Sembilan di Masjid Negeri, Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1440H/2018 SELURUH NEGARA



**BERSALAMAN**

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bersalaman dengan pelajar-pelajar yang hadir dalam sambutan Maulidur Rasul 1440H/ 2018 peringkat negeri Selangor di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor, semalam. – UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI



**BERAMAH MESRA**

ORANG ramai beramah mesra dengan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Maliha Tengku Ariff dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Kedah di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah, semalam. – BERNAMA



**PERARAKAN**

TUNKU Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim berkenan menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Johor di Masjid Jamek, Mersing, Johor, semalam. Turut sama Menteri Besar, Datuk Osman Sapian (dua dari kanan). – BERNAMA






**MERIAH**

PENDUDUK kampung membawa talam berisi kek serta kuih muih tradisional yang dipanggil 'Palak Kuih' di Masjid Bumiputera, Kampung Sebandi Ulu sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Sarawak di Asajaya, Kuching, Sarawak, semalam. – BERNAMA



**MENARIK PERHATIAN**

PASUKAN berbusana Melayu antara 56 kontinjen pelbagai jabatan dan agensi berarak sejauh dua kilometer dari Maahad Al-Mashoor Al-Islami menuju ke Politeknik Balik Pulau sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Pulau Pinang di Pulau Pinang, semalam. – UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM

| Headline | Thousands observe Prophet Muhammad`s birthday celebrations | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 201,943 |
| Page No | 3 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 524 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 27,953 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 83,859 |



# Thousands observe Prophet Muhammad's birthday celebrations

**PETALING JAYA:** This year's Maulidur Rasul, or the observance of the birthday of Prophet Muhammad, was celebrated nationwide.

In **Selangor**, Mentri Besar Amirudin Shari led a 2km procession from Shah Alam Stadium to Melawati Stadium.

Joining him were state secretary Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya, Selangor Islamic Religious Department director Datuk Haris Kasim and Selangor Mufti Datuk Mohd Tamyes Abd Wahid.

The procession involved the participation of some 3,000 representatives from 84 contingents, comprising government departments and agencies.

In **Alor Setar**, the celebration was held at Dewan Sri Negeri, Wisma Darul Aman. Kedah Ruler Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, his consort Sultanah Maliha Tengku Ariff and Raja Muda of Kedah Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin joined in the event.

Also present were Mentri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir and his wife Datin Seri Norzieta Zakaria.

The Sultan, in his speech, advised Muslims to uphold moral values and stay away from undesirable elements such as crime and drug abuse that could lead to moral decadence in the society.

He said parents played an important role in inculcating good moral values in their children.

In **Penang**, 55 contingents involving more than 2,700 participants, including from various government departments, agencies and non-governmental organisations, took part in a 2km procession from Maahad Al-Mashor Al-Islami to Balik Pulau Polytechnic.

Deputy Chief Minister Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Penang Islamic Religious Council president Datuk Abdul Malik Abul Kassim and state secretary Datuk Seri Farizan Darus also joined in the procession.



**Proud participants:** One of the Selangor contingents taking part in the Maulidur Rasul procession from Shah Alam Stadium to Melawati Stadium. — Bernama

In **Perak**, the state-level celebration was held at the Advanced Technology Training Centre near Kamunting. It was attended by 2,000 people and led by Raja Muda of Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa.

Also present were Raja DiHilir Perak Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah and Mentri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu and his wife Datin Seri Dr Nomee Ashikin Mohammed Radzi.

In **Kuala Terengganu**, despite a drizzle, Mentri Besar Dr Ahmad Samsuri Mokhtar joined 2,000 people in a procession from Dataran Shahbandar to the state stadium.

Terengganu Ruler Sultan Mizan Zainal Abidin and Sultanah Nur Zahirah also attended the celebration.

Sultan Mizan, in his speech, called on Muslims to practise the true teachings of Islam.

He said they should also emulate the practices of Prophet Muhammad in everyday life, including the way he talked and socialised, to present a positive picture of Islam.

In **Johor**, more than 7,000 people took part in a 1km procession from SM Sri Mersing to Masjid Jamek Bandar Mersing.

Leading the procession was Tengku Temenggong of Johor Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim, who represented his father Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Also present was Mentri Besar Datuk Osman Sapian.

In **Melaka**, 6,429 participants from 111 contingents, led by Chief Minister Adly Zahari, took part in a 4km procession from the Hang Tuah Stadium to Dataran Masjid Al-Azim.

The celebration was also attended by Yang di-Pertua Negri Tun Dr Mohd Khalil Yaakob.

In **Kota Kinabalu**, Yang di-Pertua Negri Tun Juhar Mahiruddin and his wife Toh Puan Norlidah R.M. Jasni led more than 10,000 participants in a state-level procession from Sutera Avenue to the Sabah state mosque.

Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, Law and Native Affairs Minister Datuk Aidi Moktar and other Muslim state cabinet members also joined in the 1.4km walk.

In his speech, Mohd Shafie called on his administration to work together with the people to instil unity in order to spur development.

In **Sarikei**, Yang di-Pertua Negri Tun Abdul Taib Mahmud and Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg joined more than 5,300 participants in a 3.5km procession.

In his speech, Abdul Taib said Islam was a religion that did not oppress others, but united people of all races and religions.

In **Kuantan**, the state-level celebration at Masjid Sultan Ahmad Shah I was attended by Regent of Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah and Tengku Puan Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Tengku Abdullah, in his speech, advised the people to avoid a conflict in the country, adding that they should always respect and help others regardless of race and religion.

He expressed disappointment that there were some people who wanted to change the country's political landscape by accepting the western policy of equality. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Dual language road signs out | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 201,943 |
| Page No | 1,10 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 428 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 22,920 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 68,759 |



Nation

**The Shah Alam City Council has begun removing dual language road signs.** >10




# Dual language road signs out

## Shah Alam dismantling them after decree from S'gor Ruler

**SHAH ALAM:** The Shah Alam City Council, responding to a royal decree, has begun dismantling road signs in the city with both Malay and Chinese languages written on it.

The dismantling of all such signs is being done in stages and is expected to be completed soon, said the council's corporate and public relations division head Shahrin Ahmad.

The Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, in a decree on Monday, wanted all these road signs to be changed before his 73rd birthday on Dec 11.

The decree was made known through his private secretary Datuk Mohamad Munir Banir.

"We will uphold the decree and replace the road signs, which included Chinese characters, with those in the Malay language only," said Shahrin.

A Shah Alam resident had uploaded a post on Twitter, questioning the use of road signs which also featured Chinese characters, as the majority of residents in the city are Malays.

The individual had also asked what had happened to the Jawi script that was used on the road signs before.

The council, in its reply to the Twitter user, explained that the meeting of the Selangor local government committee on Jan 13 last year had decided on the use of road signs with two languages, besides the romanised script.




**Signs of the times:** Chinese characters on a road sign along Jalan Balai Raya Section U6 in Shah Alam appears to be taped over before the signs are replaced. — Bernama

It added that the Jawi script will be used in road signs in traditional villages, and the Chinese characters for road signs in new villages.

In Putrajaya, Shah Alam MP Khalid Samad said all quarters should abide by the decree of the Sultan of Selangor.

The Federal Territories Minister said the matter in Shah Alam came under the jurisdiction of the Selangor government. — Bernama

Powered by: isentia

| Headline | Living on the edge in Taman Ukay Heights | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 1TO3 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 2042 cm² |
| Journalist | VIJENTHI NAIR | AdValue | RM 108,932 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 326,796 |



# Flowing mud risk remains

Following a recent mudflow in Taman Ukay Heights, Ampang Jaya, the Housing and Local Government Ministry plans to study ways to stop flash floods caused by project sites. >2&3



**Major damage:** Workers clearing silt and debris from a collapsed retention wall of a home in Taman Ukay Heights following a mudflow on Nov 11. — AZLINA ABDULLAH/The Star

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Living on the edge in Taman Ukay Heights | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 1TO3 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 2042 cm² |
| Journalist | VIJENTHI NAIR | AdValue | RM 108,932 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 326,796 |

# Living on the edge in Taman Ukay Heights

## Residents continue to live in fear as only temporary measures are taken to prevent soil erosion at site of mudslide



By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

CONDITIONS attached to a project site as stipulated by a local authority are there for a reason – to prevent untoward incidents.

However, reports of disasters as a result of non-adherence to pre-set conditions at construction sites crop up all the time.

The recent incident at Taman Ukay Heights in Ampang is one such example.

The affluent neighbourhood is not flash-flood prone, but on Nov 11, residents were caught off guard when muddy waters rushed downhill creating a river-like current that damaged everything in its path.

A downpour was the precursor to the flash flood affecting a large part of the housing estate leading up to Lorong Kolam Ayer Lama.

The incident even caused a retention wall at one of the houses to collapse.

A project site uphill of the housing site was identified as the source of the problem.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) had earlier issued a temporary stop-work order to the project contractor for failing to adhere to conditions of the work site.

The stop-work order was issued because of aggressive traffic flow of lorries and unsafe work conditions.

Part of the conditions to the stop-work order was to build silt traps, wash troughs and rearrange traffic flow.

However, before the contractor could fulfil the conditions, the flash flood occurred.

The contractor, according to MPAJ, was engaged to upgrade the monsoon drains and carry out slope strengthening and stabilisation works.

According to residents, an estimated 60,000 tonnes of soil and rubble was dumped and loaded onto the slope skirting the ravine at Jalan Teberau.

This figure was derived based on the number of lorries (20-tonne lorries) carrying soil to the site.

Heavy rain on Nov 11 caused water to push the earth downhill, causing havoc in Ukay Heights.

On Nov 13, Ampang MP Zuraida Kamaruddin visited the neighbourhood to gauge the situation.

When met at a separate event, Zuraida, who is also the Housing and Local Government Minister said a construction site nearby was responsible for the flash floods.

She said the ministry would need to review and study ways to stop flash floods caused by activities at construction sites.

*StarMetro* visited the neighbourhood when clean-up works were under way and found MPAJ, KDEB Waste Management Sdn Bhd and a group of workers undertaking the task.

Residents claimed that the landowner of the site sent workers to help in the clean-up effort.

However, workers clearing silt from the drains were seen dumping earth back from where it originated.

Residents who caught the workers in action, put a stop to it.

Dr R. Sharmila said it was ridiculous to dump the earth back at the project site as another downpour could cause another mudflow.

After the earlier mudflow, residents fear for their safety should the next downpour unleash another nightmare in their path.

A resident, who declined to be named said, "Many landowners develop and redevelop their land, as well as reconstruct their houses in big scale, and the neighbours patiently put up with the inconvenience.

"But this landowner has totally disregarded the effects of the activities to the surrounding.

"With an estimated 60,000 tonnes of earth uphill, it is like 60,000 cars waiting to come crashing down on my property," he said, adding that the roads were also damaged by the heavy use by lorries carrying earth.

Another resident, who also declined to be named said there were natural streams running on the land which were buried under piles of earth.

"The water may be seeping underground which can be disastrous in the future. We don't want another Highland Towers incident.

"With no trees or vegetation holding the earth, we also fear the ravine will be affected and collapse as it is very close to the road.

"A soil erosion will be disastrous as there are more houses uphill and downhill," she said.

MPAJ councillor D. Nallan said he was aware of the case.

"We asked for the silt and debris from the drains to be cleared but not to be dumped back on the land. There must have been a mistake.

"MPAJ has also given approval to use tarpaulin sheets and cover the exposed earth as a temporary measure to prevent soil erosion.

"We have also planned for a meeting with the residents tomorrow to brief them about our findings and find a permanent solution," he said.

MPAJ press relations officer Norhayati Ahmad confirmed that the monsoon drains had been cleared to prevent flash floods from recurring.



A waste contractor's lorry filled with silt collected from the drains seen parked nearby the project site.



Drains clogged by silt and debris from the collapsed retention wall of a house being cleared on Nov 15.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Living on the edge in Taman Ukay Heights | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 1TO3 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 2042 cm² |
| Journalist | VIJENTHI NAIR | AdValue | RM 108,932 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 326,796 |



Ukay Heights residents claim that 60,000 tonnes of soil have been dumped at the project site. The loose soil washed down during a downpour affected houses in Taman Ukay Heights.



Ukay Heights residents say tonnes of soil are being dumped at the project site.





The monsoon drains in Ukay Heights are clogged up with silt.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PJ folklore fest enters sixth year | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 8,9 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 1969 cm² |
| Journalist | SHEILA SRI PRIYA | AdValue | RM 105,442 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 316,325 |





A South Korean traditional dance performance.



A Filipino folk dance by delegates from the Philippines.



Even far-away Finland was represented at the International Folklore Festival.

# PJ folklore fest enters sixth year

## Event made merrier as MBPJ forges partnership with sister cities from South Korea, Japan and Indonesia

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

IT WAS a night to remember as over 20,000 people were treated to a spectacle of music, dance and colour during the Petaling Jaya Fair 2018 – International Folklore Festival.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Azizi Mohd Zain said the festival was in tandem with the city council's Sustainable 2030 Master Plan.

"Community building and cultural promotion activities are important to any city. The festival showcases the community and some cultural aspects of our neighbouring countries to both local and international visitors," he said.

The colourful and lively event was filled with various performances as well as sale of food, beverages and clothes.

The sixth edition of the fair was significant as the festival was proclaimed an International Cultural Exchange programme by Tourism, Arts and Culture Ministry secretary-general Datuk Rashidi Hasbullah.

Also present were South Korea's Seongbuk-gu City mayor Lee Seongro, South Korea's Asan city mayor Oh Sea-Hyun, Japan's Miyoshi mayor Hayashi Isao and a representative of Indonesia's Bandung mayor Djatmiko Ketut Donny.

Petaling Jaya City Council (MBPJ) announced its friendship with three "sister cities" – Miyoshi (Japan), Seongbuk-gu (South Korea) and Bandung (Indonesia).

To mark the friendship, the three cities each had a monument erected at the Petaling Jaya Sister City Square located at a plot of land opposite the MBPJ building.

The mayors of the three cities together with Mohd Azizi participated in a Friendship City meeting and expressed their interest in exchanging information.

MBPJ has established international student exchange and leadership camps with other sister cities such as Asan city in South Korea since 2016.

MBPJ has also embarked on programmes such as the Petaling Jaya International Youth Leadership Camp 2017.

These camps are aimed at promoting a two-way relationship with the sister cities to learn the best practices in economy, business, culture, arts, tourism and education.

In July, 10 Malaysian students were sent to Asan, South Korea, and this month, another 10 visited Bandung, Indonesia and attended the Bandung Encouragement on Health and Leadership Forum.

"I am confident that the differences in culture and language will not be a barrier but instead enhance the relationship among all the cities. We had the opportunity to learn about other cultures and traditions in Indonesia, South Korea, Japan and China.

"MBPJ made official visits to Miyoshi in Japan and had the opportunity to experience urban farming and learn the best practises of their city management.

"Forging a close relationship inspires, motivates and encourages creativity towards a sustainable and resilient Petaling Jaya community and council," said Mohd Azizi.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PJ folklore fest enters sixth year | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 8,9 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 1969 cm² |
| Journalist | SHEILA SRI PRIYA | AdValue | RM 105,442 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 316,325 |



An energetic Bhangra dance performance that got everyone tapping their feet. — Photos: SHAARI CHEMAT/The Star




(From left) Isao, Mohd Azizi, Lee and Bandung mayor's representative Husin Rahadiah Hasan at the Petaling Jaya Sister City Square in Section 52, Petaling Jaya.



Rashidi (right) striking a gong three times to launch the Petaling Jaya Fair 2018 – International Folklore Festival as Mohd Azizi looks on.



The Indonesian team presenting a unique semi-cultural dance.



Students of SMK(P) Sri Aman, Petaling Jaya representing Malaysia with a traditional Malay dance performance.



An elaborate cultural performance by dancers from Thailand.



A dance and orchestra performance by delegates from Iran.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MBSA REMOVING DUAL-LANGUAGE SIGNS | | |
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Local News | Circulation | 36,278 |
| Page No | 75 | Readership | 108,834 |
| Language | English | ArticleSize | 480 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,546 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,638 |



ROYAL DECREE

# MBSA REMOVING DUAL-LANGUAGE SIGNS

## It will be completed soon, says Shah Alam City Council officer

**SHAH ALAM**

THE Shah Alam City Council (MBSA), responding to a royal decree, yesterday began dismantling road signs in both the Malay and Chinese languages in the city.

MBSA Corporate and Public Relations Division head Shahrin Ahmad said the work to dismantle such signs was being done in stages and was expected to be completed soon.

Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, in a decree relayed on Monday through his private secretary, Datuk Mohamad Munir Banir, wanted the road signs to be changed and the work completed before his 73rd birthday on Dec 11.

"MBSA upholds the decree of the sultan of Selangor and will replace the road signs," said Shahrin. A resident here had uploaded a post on Twitter questioning the use of dual-language road signs in the city where the majority of the residents are Malays.

The individual had also asked what happened to the Jawi script that had been used on the road signs before.

MBSA, in its reply to the Twitter user, had said that the meeting of the Selangor Local Government Committee on Jan 13 last year had decided on the use of road signs with two languages besides the romanised script.

It had said Jawi scripts would be used for road signs in traditional villages and Chinese scripts for signs in new villages, depending on the community in the area.

In **Putrajaya**, Shah Alam member of parliament Khalid Samad said all quarters should abide by the decree of the sultan on the changing of road signs.

Khalid, who is the federal territories minister, said road signs here came under the jurisdiction of the Selangor government.

He said there was no problem with the road signs in the federal territories.

"It is only rational for the road signs to be retained in the Malay language for the convenience of the people," he said after attending the national-level Maulidur Rasul celebration at the Putrajaya International Convention Centre. **Bernama**




*Dual-language road signs in Seksyen U6, Shah Alam.* PIC BY ROSLIN MAT TAHIR

Powered by: isentia

| Headline | Amirudin: State govt will review policy | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Local News | Circulation | 36,278 |
| Page No | 76 | Readership | 108,834 |
| Language | English | ArticleSize | 310 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,645 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,935 |





*Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah and Selangor Menteri Besar Amirudin Shari at the state-level Maulidur Rasul celebration in Shah Alam yesterday.* PIC BY ROSLIN MAT TAHIR

# Amirudin: State govt will review policy

**PETALING JAYA:** The state government will review the policy of allowing dining table and chairs placed outside eateries, especially in nearby parking areas.

This follows an incident, which saw a four-wheel-drive vehicle crash into five restaurant customers, killing a female diner at Jalan Equine 9B, Taman Equine, Seri Kembangan, last Sunday.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari said the state government would refer the matter to the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) on the issuance of permits, which allowed parking areas to be used for placing eateries' merchandise, including tables and chairs.

"Based on the existing policy, local authorities could issue permission to eateries to use parking areas for a stipulated period of time, usually after working hours.

"In the incident which saw a woman being killed, I am concerned that the restaurant operator was in breach of the stipulated conditions. However, this should be checked with MPSJ. The state government will also review the policies," he told the New Straits Times Press.

"We will ask MPSJ to investigate the matter, whether the restaurant was in breach of any stipulated conditions. We would not hesitate to withdraw the (eatery's) permit, if it and other operators in the area failed to comply with the regulation."

The driver involved in the incident was detained on Monday morning and had been remanded for four days to facilitate investigation.

Serdang district police chief Assistant Commissioner Ismadi Borhan said the man, in his 20s, would be remanded until tomorrow.

Ismadi said the Sarawakian was an unlicensed driver and was believed to have been operating the vehicle in an intoxicated state.

The case is being investigated under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987.

Powered by: isentia

| Headline | Integrity issues | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Sun | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 149,192 |
| Page No | 1,2 | Readership | 447,576 |
| Language | English | ArticleSize | 525 cm² |
| Journalist | SYED DANIAL SYED AZAHAR | AdValue | RM 13,473 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 40,420 |



# Integrity issues

## Sultan Nazrin slams leaders out to AMASS MATERIAL WEALTH for themselves

BY **SYED DANIAL SYED AZAHAR**
newsdesk@thesundaily.com

**PUTRAJAYA:** Most of the problems facing the people today were caused by leaders who lacked integrity and were out to amass material wealth for themselves, Acting Yang di-Pertuan Agong Sultan Nazrin Muizzuddin Shah said yesterday.

"Poverty becomes worse when leaders make it a priority to increase their material wealth by taking away or denying the rights of the ummah," he said at the National Maulidur Rasul gathering at the Putrajaya International Convention Centre.

Also present were Sultan Nazrin's consort Tuanku Zara Salim, Prime Minister Tun Dr Mathathir Mohamad and his wife Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and her husband, PKR president Datuk Seri Anwar Ibrahim, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Mujahid Yusof, Cabinet ministers and foreign dignitaries.

The Maulidur Rasul event was attended by about 4,000 people representing various government agencies, statutory bodies, uniformed organisations, non-governmental organisations, institutions of higher learning, schools and the private sector.

Sultan Nazrin said material



***"The well-being and prosperity of a country is very much influenced by the character of its leaders."***

wealth, when not accompanied by wealth of the mind, intellect, knowledge and spirituality, is false and temporary.

It is the cause of resource leakage, lopsided development, a rise in unemployment, migration, increased smuggling, and high crime and corruption rates in the country," he said.

TURN TO PAGE 02 ▶

Powered by: isentia

| Headline | Integrity issues | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Sun | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 149,192 |
| Page No | 1,2 | Readership | 447,576 |
| Language | English | ArticleSize | 525 cm² |
| Journalist | SYED DANIAL SYED AZAHAR | AdValue | RM 13,473 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 40,420 |

# 'Hypocrisy culture weakened integrity'

▶ **FROM** FRONT PAGE

"In the end, public order is jeopardised along with political stability, and the sufferings of the ummah will worsen."

Sultan Nazrin said the well-being and prosperity of a country is very much influenced by the character of its leaders.

He said the culture of hypocrisy, that he described as akin to being wolves in sheep clothing, had weakened integrity in the country.

The Ruler urged Muslims to learn from the example set by the Prophet Muhammad, who was strict in upholding truth and implementing justice.

"Nobody got rich by being close to the Prophet. Instead, those who were already rich, sacrificed their wealth to support the Prophet's struggles," he added.

Meanwhile, religious figure Datuk Paduka Nik Jaafar Nik Ismail was chosen as the recipient of the Anugerah Perdana in conjunction with the National Maulidur Rasul celebration.

Nik Jaafar received a RM50,000 cash prize, a trophy and a certificate of appreciation from Sultan Nazrin.

Four other recipients of the national-level Maulidur Rasul Award were pilgrimage expert Anisah Ab Ghani, Surveying and Mapping Division director Azhari Mohamed, Islamic Welfare Organization of Malaysia activist Yaakob Lazim and philanthropist Datuk Abd Rahman Ibrahim.

Each received a RM20,000 cash prize, a trophy and a certificate of appreciation.



ASHRAF SHAMSUL/ THESUN

Nik Jaafar and his wife Datin Paduka Che Asmah Che Hamat with the Perdana Maulidur Rasul award and certificate he received from Sultan Nazrin yesterday.




BERNAMAPIX

A contingent from the Hulu Selangor Land Office participating in the Maulidur Rasul procession to the Malawati Stadium in Shah Alam, Selangor.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MBSA changes road signs | | |
| MediaTitle | The Sun | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 149,192 |
| Page No | 6 | Readership | 447,576 |
| Language | English | ArticleSize | 72 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,174 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,522 |



# MBSA changes road signs

**SHAH ALAM:** The Shah Alam City Council (MBSA), responding to a royal decree, yesterday began taking down road signs in both the Malay and Chinese languages in the city.

MBSA Corporate and Public Relations Division head Shahrin Ahmad said the work to change all such signs is being done in stages and is expected to be completed soon.

The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, in a decree on Monday through his private secretary Datuk Mohamad Munir Banir, had ordered the road signs to be changed and the work completed before the sultan's 73rd birthday on Dec 11.

"MBSA upholds the decree of the Sultan of Selangor and will replace the road signs with Chinese script to those with only the Malay language," said Shahrin.

Meanwhile, Shah Alam MP Khalid Abdul Samad said all quarters should abide by the decree of the sultan.

Khalid, who is the Federal Territories minister, said the matter of the road signs in Shah Alam came under the jurisdiction of the Selangor government.

He said there would be no changes to road signs in the federal territories.

"It is only rational for the road signs to be retained in the Malay language for the convenience of the people," he said.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Khuatir pengusaha langgar syarat PBT | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 31 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 652 cm² |
| Journalist | Hasbi Sidek | AdValue | RM 25,685 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 77,055 |





HARIAN METRO


TRAGEDI BERDARAH JAMU LUAR RESTORAN

'PANDU MACAM ORANG MABUK'

LAPORAN Harian Metro, semalam.



MELETAKKAN meja bersebelahan laluan kenderaan mengundang bahaya jika pemandu gagal mengawal kenderaan.

TRAGEDI BERDARAH JAMU LUAR RESTORAN

# Khuatir pengusaha langgar syarat PBT

■ *Selangor semak semula polisi letak meja makan di luar restoran*

**Hasbi Sidek**
cnews@nstp.com.my

**Subang Jaya**

Kerajaan negeri akan menyemak semula polisi kebenaran meletakkan meja makan di luar restoran terutama di kawasan tempat letak kereta.

Ia susulan kejadian pacuan empat roda yang merempuh empat pelanggan sehingga menyebabkan seorang wanita maut di Jalan Equine 9C, Taman Equine, Seri Kembangan, Ahad lalu.

Menteri Besar Selangor Amirudin Shari berkata, pihaknya akan merujuk dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengenai permit kebenaran menggunakan kawasan parkir sebagai tempat meletakkan barang dagangan termasuk meja dan kerusi.

"Berdasarkan polisi sedia ada, pihak berkuasa tempatan PBT mengeluarkan kebenaran kepada pengusaha kedai makan untuk menggunakan kawasan parkir yang selamat dalam tempoh yang ditetapkan, kebiasaannya selepas waktu kerja.

"Bagaimanapun, dalam kejadian yang menyebabkan seorang wanita maut ini, saya khuatir pengusaha restoran terbabit melanggar syarat ditetapkan. Namun, perkara ini perlu disemak terlebih dulu dengan MPSJ selain kerajaan negeri akan menyemak polisi sedia ada," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut bersimpati dengan kemalangan yang menimpa mangsa dan mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mendiang.

"Dalam kejadian ini, ia dipercayai berpunca daripada pemandu yang dipercayai memandu di bawah pengaruh alkohol, jadi ia perlu diambil kira.

> **"Kami akan meminta MPSJ menyiasat perkara ini sama ada restoran terbabit melanggar syarat kebenaran dan kami tidak teragak-agak untuk menarik balik permit"**
> *Amirudin*

"Bagaimanapun, pihak kami akan meminta MPSJ menyiasat perkara ini sama ada restoran terbabit melanggar mana-mana syarat kebenaran dan kami tidak teragak-agak untuk menarik balik permit jika mereka dan semua pengusaha di kawasan itu gagal mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.

Sementara itu, usaha wartawan untuk mendapatkan kenyataan daripada MPSJ sejak kelmarin tidak berjaya apabila PBT terbabit 'membisu' mengenai insiden berkenaan.

Dalam insiden kira-kira jam 8 malam itu, seorang wanita maut, manakala empat individu lain cedera selain tiga kenderaan mengalami kerosakan apabila dirempuh sebuah pacuan empat roda dipandu seorang lelaki yang melarikan diri selepas kejadian.

Bagaimanapun, kenderaan itu ditemui di kawasan perumahan dekat Jalan Indah 1/22, Taman Universiti Indah, Seri Kembangan, kira-kira dua kilometer dari lokasi pada jam 11 malam.

Polis kemudian menjejaki pemilik kenderaan melalui nombor pendaftaran dan mendapati ia milik sebuah syarikat.

Pihak syarikat yang dihubungi menyerahkan lelaki terbabit di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang sebelum suspek ditahan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MBSA ganti papan tanda jalan berperingkat | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 32 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 294 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,582 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,745 |



# MBSA ganti papan tanda jalan berperingkat

**Shah Alam:** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menyelesaikan kerja menanggalkan papan tanda nama bertulisan Cina di sekitar daerah ini dalam tempoh terdekat.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA Shahrin Ahmad berkata, pelaksanaan semua kerja itu dilaksanakan pihaknya berperingkat.

"MBSA menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya papan tanda jalan yang bertulisan Cina itu digantikan dengan papan tanda yang memaparkan bahasa Melayu saja.

"Untuk makluman, tindakan segera diambil MBSA dengan menanggalkan papan tanda di lokasi papan tanda berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.




PAPAN tanda jalan yang menggunakan tulisan Cina ditampal dengan pelekat.




LAPORAN Harian Metro, semalam.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan, Sultan Sharafuddin menitahkan semua papan tanda nama jalan bertulisan Cina di daerah ini ditanggalkan dan diganti serta-merta.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani dipetik berkata, baginda menitahkan ia digantikan dengan papan tanda jalan bahasa Melayu saja.

Operasi penukaran papan tanda jalan perlu dilaksanakan segera dan diselesaikan selewat-lewatnya sebelum tarikh sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Selangor, 11 Disember depan.

Baru-baru ini, netizen mempersoalkan isu penggunaan tulisan Cina pada papan tanda nama jalan di sekitar Kampung Melayu Subang, dekat sini.

Perkara itu tular apabila dimuat naik seorang pemilik akaun Facebook (FB) serta beberapa gambar papan tanda di kawasan terbabit yang dilengkapi tulisan berkenaan.

Ia turut dilaporkan beberapa media tempatan yang mendapat maklum balas Exco kerajaan negeri mengenai kebenaran dan kelulusan papan tanda itu di kawasan berkenaan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bahasa kebangsaan simbolik perpaduan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 33 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 70 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,273 |



**Shah Alam**

# Bahasa kebangsaan simbolik perpaduan

Penggunaan bahasa kebangsaan di peringkat awal kanak-kanak mampu menjadi simbolik perpaduan kepada generasi akan datang.

Penolong Pengarah Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN) Selangor Helmy Mohamad Yahya berkata, penggunaan Bahasa Melayu mampu menyatukan dan mengeratkan silaturahim antara kaum di Malaysia.

"Ia adalah perantaraan paling mudah kerana semua kaum mampu memahami penggunaan bahasa perantara yang terkandung dalam Kokurikulum Pendidikan Pra Sekolah (KPSK) itu.

"Perkara itu dapat dilihat dalam TABIKA Peraduan apabila kaum seperti Melayu, Cina dan India menghantar anak mereka untuk mendapatkan pendidikan di situ.

"Kebanyakan mereka mahu anak masing-masing fasih berbahasa Melayu dan memahami budaya semua kaum di negara ini," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Papan tanda bahasa Cina diturun | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 1,2 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 660 cm² |
| Journalist | AHMAD SHAHERMAN | AdValue | RM 17,194 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 51,582 |






GAMBAR menunjukkan dua lubang yang menempatkan bekas papan tanda tulisan Cina di Pekan Subang, Sesyen U6, Shah Alam semalam.

# Papan tanda tulisan Cina di Selangor mula ditanggalkan

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA), Selangor mula menjalankan kerja-kerja menurunkan papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di beberapa tempat di sekitar daerah itu semalam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, kerja-kerja tersebut dilakukan secara berperingkat dan dijangka selesai dalam masa terdekat.

"MBSA menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina digantikan dengan papan tanda jalan yang memaparkan bahasa Melayu sahaja," katanya dalam satu kenyataan semalam.

» LAPORAN DI MUKA 2

Powered by: isentia

| Headline | Papan tanda bahasa Cina diturun | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 1,2 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 660 cm² |
| Journalist | AHMAD SHAHERMAN | AdValue | RM 17,194 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 51,582 |

MBSA jalankan operasi tanggalkan petunjuk jalan guna dwibahasa di Shah Alam

# Papan tanda bahasa Cina diturun

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI



SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu papan tanda jalan hanya guna Bahasa Melayu.




SULTAN Selangor menitahkan semua papan tanda jalan menggunakan bahasa Cina di Shah Alam diturunkan.



PETUGAS MBSA sedang memotong papan tanda Jalan Besar Pekan Subang yang menggunakan dwibahasa.

**SHAH ALAM** – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sedang menjalankan kerja-kerja menurunkan papan tanda jalan yang mempunyai tulisan bahasa Cina di beberapa tempat di sekitar daerah ini bermula semalam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, kerja-kerja tersebut dilakukan secara berperingkat dan dijangka selesai dalam masa terdekat.

"MBSA menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina digantikan dengan papan tanda jalan yang memaparkan bahasa Melayu sahaja.

"Untuk makluman, tindakan segera telah diambil oleh pihak MBSA dengan menurunkan papan tanda berkenaan di semua lokasi," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Shahrin memberitahu, operasi penukaran papan tanda dijangka selesai selewat-lewatnya sebelum tarikh sambutan Hari Keputeraan ke-73 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 11 Disember ini.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, Sultan Sharafuddin menitahkan agar semua papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di sekitar bandar raya itu ditanggalkan segera menjelang Hari Keputeraan baginda.

Titah tersebut disampaikan oleh Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani menerusi sepucuk surat yang dialamatkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya.

Menurut Mohamad Munir, Sultan Sharafuddin bertitah agar kesemua papan tanda jalan bertulisan Cina digantikan dengan papan tanda jalan menggunakan bahasa Melayu sahaja.




KERATAN *Kosmo!* semalam.

Tegas Mohamad Munir, operasi penukaran papan tanda jalan tersebut hendaklah dilaksanakan dengan segera.

Isu tersebut tercetus selepas aktivis masyarakat, Datuk Mohd. Razlan Rafii mempersoalkan sama ada Dewan Bahasa dan Pustaka sudah tiada kuasa dalam proses kelulusan penggunaan bahasa pada papan tanda jalan di sekitar Shah Alam.

Seorang penduduk di Shah Alam turut memuat naik kenyataan menerusi laman Twitternya mempersoalkan kewajaran papan tanda jalan di kawasannya dalam bahasa Cina.

Kenyataan itu yang tular dalam media sosial kemudian turut mempersoalkan kedudukan tulisan Jawi yang sebelum ini digunakan pada papan tanda jalan.

MBSA ketika memberi maklum balas kepada pengguna Twitter yang berdiskusi mengenai isu bahasa pada papan tanda memaklumkan bahawa mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor yang diadakan pada 13 Januari 2017 memutuskan penggunaan papan tanda nama jalan dwibahasa selain tulisan rumi.

Menurut MBSA, penggunaan nama jalan di kawasan kampung tradisi menggunakan tulisan jawi manakala di kawasan kampung baharu menggunakan tulisan bahasa Cina bersesuaian dengan komuniti di kawasan tersebut.

| Headline | MB Selangor menghadap Sultan Sharafuddin | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 2 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 118 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,074 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,222 |



# MB Selangor menghadap Sultan Sharafuddin

**SHAH ALAM** – Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari (**gambar**) akan menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berhubung isu papan tanda jalan yang menggunakan tulisan Cina di negeri ini.



Amirudin bagaimanapun enggan mengulas panjang berhubung isu itu dan hanya memaklumkan pertemuannya dengan Sultan Selangor hari ini untuk urusan pentadbiran kerajaan negeri.

"Esok... esok... saya akan menghadap Sultan Selangor esok (hari)," katanya ringkas ketika ditemui selepas majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor di Stadium Malawati di sini semalam.

Kelmarin, Sultan Sharafuddin menitahkan agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di Shah Alam ditanggalkan dan digantikan dengan papan tanda jalan satu bahasa iaitu bahasa Melayu.

Titah itu disampaikan oleh Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani melalui surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya dan juga Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PKNS FC nafi intai kelibat Safiq | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 155,996 |
| Page No | 63,64 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 314 cm² |
| Journalist | MUHD, ARDIE PUTRA SUHAIMI | AdValue | RM 8,180 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,540 |



PKNS FC nafi intai kelibat Safiq

»63



# PKNS FC nafi intai kelibat Safiq

Oleh MUHD, ARDIE PUTRA SUHAIMI

KELAB Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS FC) menafikan sedang memburu khidmat bekas pemain Johor Darul Ta'zim (JDT), Safiq Rahim untuk membantu pasukan mengharungi cabaran Liga Malaysia (Liga M) musim depan.

Perkara tersebut disahkan oleh pengurus pasukan, Mahfizul Rusydin Abdul Rashid selepas ada mendengar khabar angin bahawa bekas kapten skuad bola sepak negara itu berminat untuk kembali ke pasukan berpangkalan di Lembah Klang itu.

"Saya ada dengar bahawa Safiq dirisik untuk kembali ke Lembah Klang tetapi bukan pasukan kami kerana buat masa ini, PKNS FC masih belum berjumpa dengan pihaknya.



MAHFIZUL

"Secara peribadi, pasukan di bawah kendalian Datuk K. Rajagobal juga sedang memasuki fasa akhir dalam melengkapkan senarai pemain untuk didaftarkan pada saingan musim depan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Mengulas lanjut, Mahfizul mengakui sedang mencari sekurang-kurangnya dua lagi pemain tempatan sebelum membolehkan pasukan fokus untuk persiapan pramusim yang dijadualkan bermula awal Disember ini.

"Kami sudah mengenal pasti beberapa pemain tempatan untuk diberikan tawaran kontrak beraksi bersama pasukan bagi saingan musim depan. Antara pemain baharu yang kami tandatangani adalah Ariff Farhan (Md. Isa) yang sebelum ini mewakili Kedah.

"Selain itu, seperti yang sedia maklum, khidmat penyerang utama kami, Mohd. Safee Sali juga terpaksa dilepaskan selepas kontraknya tamat pada musim ini.

"Ketika ini, barisan jurulatih juga sudah mula mencari pemain import untuk mengisi kuota yang masih kosong memandangkan kami hanya mengekalkan khidmat Romel Morales musim depan," katanya.

Pasukan PKNS FC merekodkan pencapaian terbaik mereka dalam sejarah Liga Super selepas berada di tangga ketiga di belakang juara, JDT dan Perak.



PKNS FC menafikan akan mendapatkan khidmat Safiq bagi mengharungi saingan Liga M musim depan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Exco perlu mohon maaf | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 17 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 332 cm² |
| Journalist | ASYRAF MUHAMMAD | AdValue | RM 5,663 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,989 |



# Exco perlu mohon maaf

*Perlu bertanggungjawab dan beri penjelasan*

ASYRAF MUHAMMAD

**SHAH ALAM**



RIZAM



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan semua papan tanda tulisan Cina di Shah Alam diganti

SULTAN ARAH TUKAR

Laporan muka hadapan *Sinar Harian*, semalam.

Ketua Pembangkang Selangor, Rizam Ismail menyokong penuh titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mengarahkan supaya semua papan tanda jalan bahasa Cina di Shah Alam diturunkan dan diganti dengan papan tanda jalan bahasa Melayu.

Rizam berkata, selain itu, Exco Kerajaan Selangor yang terlibat dalam isu ini juga perlu bertanggungjawab bagi memberi penjelasan dan membuat permohonan maaf berhubung perkara tersebut.

"Pihak terlibat perlu beri penjelasan mengapa kerajaan negeri boleh terlepas pandang isu-isu sensitif sebegini sedangkan Selangor ini bukannya kerajaan baharu malah mereka telah memimpin sejak tiga penggal lalu," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Sebelum ini, aktivis masyarakat, Datuk Mohd Razlan Rafii menerusi hantaran di laman sosialnya mempersoalkan kewujudan papan tanda jalan yang menggunakan bahasa dwibahasa.

Namun begitu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han mempertahankan perkara itu dan menjelaskan bahawa papan tanda dwibahasa dibenarkan di Kampung Baru Cina dan Kampung Baru Melayu.

Kelmarin, Sultan Sharafuddin turut menitahkan supaya papan tanda berkenaan diturunkan dan diganti dengan papan tanda yang menggunakan bahasa tunggal iaitu bahasa Melayu.

Mengulas lanjut, Rizam yang juga Adun Sungai Air Tawar memaklumkan bahawa kepimpinan Kerajaan Selangor perlu peka bagi memastikan isu-isu sensitif sebegini tidak lagi berulang pada masa hadapan.

"Ini bukan hanya isu perkauman tapi ia melibatkan bahasa rasmi kebangsaan negara malah identiti Malaysia juga akan hilang jika kita tidak hormat kepada perlembagaan itu sendiri," katanya.

Tambahnya, terdapat banyak implikasi buruk akibat daripada permasalahan ini berlaku dalam kalangan masyarakat termasuklah boleh mencetuskan bibit-bibit perpecahan dan perpaduan antara kaum di negara ini.

"Ini bukan perkara biasa dan saya minta supaya Kerajaan Selangor lebih peka selepas ini agar perkara sama tidak berulang," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Papan tanda disembur cat hitam | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 17 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 200 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,412 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,235 |



# Papan tanda disembur cat hitam

**SHAH ALAM** - Gambar seorang lelaki menyembur cat hitam pada papan tanda bertulisan Cina tular di media sosial, sejak semalam.

Tindakan tersebut dipercayai susulan rasa tidak puas hati dengan penggunaan tulisan Cina pada papan tanda yang disifatkan tidak menghormati Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ketika dihubungi memaklumkan, individu pada gambar tular itu bukan kakitangan MBSA.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, MBSA menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina digantikan dengan papan tanda jalan yang memaparkan Bahasa Melayu sahaja.

“Untuk makluman, tindakan segera telah diambil oleh pihak MBSA dengan menanggalkan papan tanda berkenaan di lokasi papan tanda berkenaan hari ini (semalam).

“Kerja menanggalkan papan tanda bagi lokasi ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka selesai dalam masa terdekat,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Baharuddin Mat Taib berkata, pihaknya belum menerima sebarang laporan berhubung vandalisme dilakukan lelaki tersebut.

“Tiada laporan polis diterima setakat ini. Jika sabit kesalahan individu tersebut boleh dipenjara sehingga dua tahun dan denda di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan khianat terhadap harta benda awam,” katanya.



**Gambar seorang individu menyembur cat hitam pada papan tanda tulisan Cina yang tular di media sosial, semalam.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PPIM sokong titah Sultan Selangor | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 17 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 151 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,576 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,727 |




# PPIM sokong titah Sultan Selangor

**SHAH ALAM -** Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menjunjung kasih dan menyokong titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mengarahkan supaya semua papan tanda jalan yang mempunyai tulisan bahasa Cina diturunkan segera.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata titah baginda tersebut dilihat bertepatan dengan situasi yang dihadapi negara pada masa kini.

"Perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab menaikkan papan tanda berbahasa Cina itu adalah sangat tidak masuk akal dan tidak boleh diterima," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Nadzim berkata ahli politik di negara ini sewajarnya lebih memberi fokus kepada usaha untuk membaiki negara dan mengukuhkan keharmonian kaum di negara ini.

"Ahli politik seharusnya berusaha untuk mengeratkan hubungan antara rakyat dan bukannya terus menerus mencabar mana-mana kaum atau agama," katanya.



NADZIM

Dalam pada itu, Nadzim turut mempertikaikan tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memberikan kebenaran untuk menukarkan bahasa pada papan tanda jalan tersebut.

"Jika bukan kerana baginda bertitah, sampai bila mereka mahu terus mencabar? Apa yang mereka mahukan daripada papan tanda berbahasa Cina itu?

"Perbuatan ini sungguh kurang ajar dan mencabar perlembagaan negera. Kami berharap tiada lagi perkara seperti ini di negeri-negeri lain," katanya.

Powered by: isentia

| Headline | `Semua pihak kena akur' | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Black/white |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 17 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 79 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 778 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,334 |



# 'Semua pihak kena akur'

**PUTRAJAYA -** Semua pihak perlu akur dengan titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya semua papan tanda jalan di Shah Alam yang mempunyai tulisan bahasa Cina ditanggalkan dan digantikan dengan papan tanda menggunakan hanya bahasa Melayu, kata Menteri Wilayah, Khalid Samad.

Mengulas arahan baginda itu, Khalid yang juga Ahli Parlimen Shah Alam berkata, keputusan berkaitan papan tanda berkenaan adalah di bawah bidang kuasa negeri.

"Adalah rasional apabila nama jalan ini dikekalkan dengan tulisan bahasa Melayu bagi memudahkan rakyat untuk membacanya," katanya ketika ditemui media selepas menghadiri sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Arahan itu disampaikan oleh Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani menerusi surat yang dialamatkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KLIK | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 18 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 123 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,098 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,294 |



FOTO: BERNAMA



**KLIK**

**MENJUNJUNG KASIH** | **Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (tiga, kiri) berkenan bersalaman dengan peserta perarakan pada Majlis Perasmian Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor, di Stadium Malawati, semalam.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tawaran RM20 kompaun letak kereta | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Black/white |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 18 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 74 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 729 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,187 |



# Tawaran RM20 kompaun letak kereta

**SELAYANG** - Majlis Perbadaran Selayang (MPS) menawarkan tawaran RM20 bagi kompaun letak kereta.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, kempen bermula 1 November lalu dan tamat sehingga 30 November ini.

Menurutnya, orang ramai yang mempunyai tunggakan digalakkan menggunakan tempoh tawaran kompaun tersebut untuk menjelaskan tunggakan atau berdepan tindakan kenderaan ditunda.

"MPS akan menunda kenderaan pesalah tegar yang mempunyai bilangan kompaun tertunggak yang banyak sejurus kempen tamat.

"Pesalah yang mempunyai tunggakan kompaun dinasihatkan menjelaskannya segera sebelum tindakan mahkamah dan waran tangkap dilaksanakan ke atas mereka," katanya.

Katanya, bayaran boleh dilakukan di kaunter pejabat dan kaunter bergerak MPS.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ziarah penerima zakat | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 21 Nov 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 23 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 186 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,173 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,518 |






**Syarikat keluar zakat mendekati keluarga asnaf masyarakat Orang Asli.**

# Ziarah penerima zakat

**KUALA KUBU BHARU -** Syarikat yang mengeluarkan zakat turun padang menziarahi sembilan keluarga masyarakat Orang Asli dekat sini sempena program Skuad Jejak Kemiskinan (SJK) Zakat Selangor Daerah Hulu Selangor.

Berdasarkan *Facebook* Lembaga Zakat Selangor (LZS), program tersebut bertujuan menilai kelayakan asnaf dan mengenal pasti keperluan asasi keluarga terbabit.

Menurutnya, bancian turut membabitkan tiga keluarga asnaf mualaf Orang Asli yang menghampiri tempoh mualaf lebih lima tahun.

"Program disertai beberapa wakil syarikat pengeluar zakat iaitu Park Here Sdn Bhd, QSR-KFC dan Maybank.

"Usaha ini memberi pendedahan kepada syarikat berkenaan mengenai gerak kerja dan kaedah siasatan bancian dalam penentuan kelayakan asnaf fakir serta miskin.

"Mereka juga dapat merasai sendiri turun padang sehingga ke ceruk kampung mencari asnaf yang memerlukan selain melihat aliran agihan wang zakat," katanya.

LZS berharap pengalaman tersebut akan mendorong syarikat terbabit agar terus istiqamah untuk membayar zakat di Zakat Selangor dan menjadi contoh kepada syarikat korporat lain.

Powered by: isentia